

Iktiraf kerja-kerja sukarelawan

ALOR SETAR - Bekas Timbalan Rektor Kolej Universiti Insaniah (Kuin), Abd Rahman Mustafa, 65, diumumkan sebagai Tokoh Maal Hijrah pada sambutan Maal Hijrah 1437H peringkat negeri Kedah.

Abd Rahman menerima hadiah wang tunai RM10,000 berserta sijil penghargaan dan hadiah iringan daripada Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah, yang juga Tunku Temenggong Kedah.

Bercakap kepada pemberita, Abd Rahman berkata, tidak pernah terlintas di fikirannya untuk menerima anugerah setinggi itu.

"Saya hanya dimaklumkan mengenai anugerah ini Khamis lalu, sebelum hadir ke majlis perjumpaan bekas penuntut Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Ipoh. Saya percaya anugerah ini adalah pengiktirafan terhadap kerja-kerja sukarelawan yang saya sertai sejak usia muda," katanya.

Menurutnya, anugerah ini akan dijadikan pendorong untuknya lebih aktif menyumbang kepada ma-



Abd Rahman (tengah) menunjukkan anugerah dimenangi kepada isteri, anak dan cucunya yang turut hadir.

syarakat menerusi kerja-kerja sukarelawan, selepas bersara pada 2012 lalu.

"Saya dalam perancangan untuk menubuhkan Pusat Hemodialisis di Sungai Petani dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim), dan kini menyiapkan kajian akhir kertas kerja tersebut untuk dibentangkan kepada pihak berkaitan," katanya.

Abd Rahman yang juga

Pengerusi Pusat Hemodialisis Zakat Kedah dilahirkan di Kampung Permatang Setar, Pulau Pinang, dan merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-Undang UIA.

Beliau menganggotai Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Kedah sejak 2012 dan juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Baitulmal Kedah serta Ahli Jawatankuasa Zakat Kedah.